



JABATAN PENDIDIKAN PULAU PINANG
Jalan Bukit Gambir
11700 PULAU PINANG



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Telefon : 04-657 5500
Faks : 04-658 2500
Web : <http://www.jpnpenang.edu.my>

"1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj.Kami : JPNPP(UKK)100 – 4/4 Jld. 6 ()
Tarikh : 20 Mac 2015 / 29 Jamadil Awal 1436H

8TH Penang Company (EPCOM)
Air Itam Chinese Methodist Church
Jalan Paya Terubong
11500 Air Itam, Penang.

(No. Tel : 04-8283200 No. Faks : 04-8262363)

Tuan,

PERMOHONAN MENGANJURKAN PERKHEMAHAN LATIHAN REKRUT (RECRUITS TRAINING CAMP)

Dengan hormatnya surat tuan adalah dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Unit Kokurikulum Jabatan Pendidikan Pulau Pinang **tiada halangan** membenarkan pihak tuan menganjurkan program tersebut dan menjemput ahli-ahli Briged Putera dan Puteri sekolah-sekolah di Pulau Pinang (**SMJK Chung Ling, SMJK Sacred Heart, SMJK Union, SMK Air Itam dan SMJK Perempuan China**) untuk menyertai program tersebut mengikut ketetapan berikut:

Tarikh : 07 hingga 09 Jun 2015
Hari : Ahad hingga Selasa
Masa : 7.00 pagi (Ahad) hingga 1.30 petang (Selasa)
Tempat : Taman Belia Pulau Pinang (Ahad)
: Ibu Pejabat Briged Malaysia Kompeni ke-8 (Isnin hingga Selasa)

3. Walau bagaimanapun, aspek kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid hendaklah diutamakan seperti yang terkandung dalam Surat **Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2009, Bil. 9/2004 dan Bil. 7/1988** diantaranya mengandungi perkara-perkara berikut:

- 3.1 **Penglibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua dan Guru Besar sekolah terlibat**
- 3.2 **Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibubapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan**
- 3.3 **Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa menyertai program berkenaan**
- 3.4 **Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka**
- 3.5 **Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan**
- 3.6 **Kebajikan makan dan minum guru-guru serta murid-murid disediakan**